

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK WEE JECK SENG**
KAWASAN : **TANJONG PIAI**
TARIKH : **17.06.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN : **111**

YB Datuk Wee Jeck [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** Menyatakan hasil usaha Kerajaan untuk mengumpul dan mendapatkan pandangan rakyat serta pihak-pihak berkepentingan lain berkenaan dengan TPPA serta sejauh manakah tahap penerimaan atau penolakan rakyat terhadap TPPA

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Sementara rundingan yang masih berterusan, Kerajaan tidak pernah berhenti untuk menerangkan kepada segenap lapisan masyarakat khususnya pihak-pihak yang berkepentingan, NGO, serta wakil industri dan perniagaan mengenai isu-isu di bawah TPPA dan status rundingan TPPA. Ianya juga bertujuan bagi mendapatkan input-input untuk membantu Kerajaan dalam rundingan. Konsultasi tersebut bukan sahaja dianjurkan oleh MITI tetapi juga oleh Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi lain serta Dewan-Dewan Perniagaan dan NGO yang turut melibatkan penyertaan MITI. Pada tahun 2013, sebanyak 56 sesi perjumpaan dan perbincangan dalam pelbagai bentuk telah diadakan untuk menerangkan dan mendapatkan input dan pandangan rakyat mengenai rundingan TPPA. Pada tahun 2014, sehingga pertengahan bulan Jun, sebanyak 23 sesi konsultasi juga telah dilaksanakan.

Sebagai langkah akauntabiliti, Kerajaan pada Jun 2013 juga telah menubuhkan sebuah TPP Caucus Dewan Rakyat secara bipartisan yang juga telah banyak menyumbangkan input dan pandangan yang amat berguna kepada pasukan perunding Malaysia. Kerajaan merakamkan ribuan terima kasih ke atas sokongan semua Ahli TPP Caucus yang terlibat. Susulan daripada itu, TPP Caucus juga ditubuhkan di Dewan Negara secara bipartisan. Mereka telah mengadakan perjumpaan yang pertama pada 15 Mei 2014 bersama YB Menteri MITI untuk mendapatkan maklumat mengenai TPP.

Sehingga kini, isu-isu yang berbangkit telah diperjelaskan sebaik mungkin agar pihak berkepentingan dapat memahami isu-isu yang menjadi kebimbangan mereka dan juga pendirian Kerajaan dalam menangani isu-isu tersebut. Kerajaan akan terus mengadakan sesi konsultasi ini dari masa ke semasa.

Secara am, pemahaman rakyat mengenai inti pati dan kandungan TPPA dan penerimaan mereka semakin meningkat dengan pelaksanaan sesi konsultasi ini. Selain daripada itu MITI juga telah menyampaikan maklumat mengenai TPPA di laman sesawang, media massa dan media sosial serta melalui bahan-bahan penerbitan yang berkaitan.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan ingin menegaskan bahawa TPP merupakan usaha seluruh negara dan amat memerlukan sokongan padu rakyat. Justeru, kerajaan akan terus meningkatkan akses dengan pihak-pihak berkepentingan secara berterusan bagi memastikan sensitiviti dan kepentingan semua pihak diambil kira.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah proaktif yang telah diambil terhadap kejadian keretakan rumah-rumah awam Peringgit, Melaka dan bangunan di persisiran sungai kesan daripada Projek Pengindahan dan Pembersihan Sungai Melaka yang bernilai melebihi RM300 juta serta pertimbangan ganti rugi yang akan diberikan kepada pihak yang terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JPS mendapati tiada kerosakan rumah penduduk di Rumah Awam Pantai Peringggit dan Taman Rumpun Bahagia akibat Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka.

Namun terdapat binaan seperti garaj kereta, reban ayam dan stor milik penduduk di Rumah Awam Pantai Peringggit yang telah dibina di dalam tanah rizab sungai yang merupakan sebahagian daripada jajaran projek ini mengalami kerosakan .

Perbincangan di antara pihak JPS dan penduduk Rumah Awam Pantai Peringggit telah dilakukan. Penduduk telah bersetuju untuk merobohkan binaan-binaan yang terletak di dalam tanah rizab sungai tersebut dan pihak kontraktor bersetuju untuk menanggung kos kerja-kerja merobohkan binaan-binaan tersebut.

Terdapat kerosakan pagar di Taman Rumpun Bahagia yang dibina di dalam tanah rizab sungai yang merupakan sebahagian daripada jajaran projek ini. Pihak kontraktor telah pun bersetuju memindah dan membina semula pagar mengikut sempadan asal.

Sekian, terima kasih.